

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL
[PENDANG]**

TARIKH : 18 MEI 2015 (ISNIN)

SOALAN :

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah perbelanjaan untuk Orkestra Philharmonic dan perlumbaan F1 oleh PETRONAS dibandingkan dengan perbelanjaan untuk membantu usahawan bumiputera.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kewujudan Dewan Filharmonik PETRONAS (“DFP”) dan perlumbaan F1 adalah bagi tujuan mengketengahkan Malaysia sebagai sebuah pusat pelancongan, kebudayaan dan sukan permotoran yang unggul di rantau ini. Penglibatan PETRONAS di dalam usaha-usaha ini adalah sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat (*Corporate Social Responsibility*) bagi menyokong pembangunan modal insan (mengketengahkan pelumba muda tempatan yang berbakat seperti Jazeman Jaafar dan Nabil Jeffri, memberi ruang kepada artis tersohor tempatan berkarya seperti Datuk Jamal Abdillah, Hafiz AF, Datuk Siti Nurhaliza) selain membantu pembangunan infrastruktur dan sebagainya. Peruntukan bagi usaha-usaha ini adalah bergantung sepenuhnya kepada faktor komersial seperti kos operasi, tajaan korporat.

Oleh yang demikian, untuk tujuan perbandingan, perbelanjaan PETRONAS untuk DFP dan perlumbaan F1 adalah untuk tujuan yang berbeza jika dibandingkan dengan perbelanjaan untuk pembangunan usahawan bumiputera.

Dari segi pembangunan usahawan bumiputera di dalam industri minyak dan gas, PETRONAS telah, sedang dan akan terus menyokong dan melaksanakan agenda pemerksaan ekonomi Bumiputera melalui

program-program strategik seperti *Vendor Development Programme* (VDP) yang melangkaui bidang keusahawanan termasuk penghasilan modal insan dalam bidang minyak dan gas. Sejak penubuhannya pada tahun 1994, program VDP telah memberi peluang kepada sebanyak 88 buah syarikat Bumiputera melalui penganugerahan kontrak-kontrak yang berjumlah RM7.7 bilion.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DAT UK HAJI DATU NASRUN BIN DATU
MANSUR [SILAM]**

TARIKH : 18 MEI 2015 (ISNIN)

SOALAN : 29

Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah projek penaiktarafan Lapangan Terbang Lahad Datu untuk kegunaan TUDM dibawah ESSCOM akan dapat dilaksanakan, memandangkan perkara ini telah diumumkan dalam Bajet 2015.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengangkutan (MOT) telah meneliti skop bernilai RM50 juta yang dicadangkan oleh Kementerian Pertahanan (MINDEF) bagi kedua-dua projek iaitu Menaik Taraf Lapangan Terbang Lahad Datu dan Perpindahan Skuadron Hawk daripada Butterworth ke Labuan tersebut. Kementerian mendapati bahawa hampir keseluruhan skop cadangan berkenaan lebih menjurus kepada keperluan untuk pembinaan fasiliti dan infrastruktur Tentera Udara Diraja Malaysia di kedua-dua lapangan terbang.

Oleh yang demikian, Kementerian telah menyatakan pandangan kepada Kementerian Pertahanan (MINDEF) bahawa permohonan peruntukan pembangunan kepada Kementerian Kewangan sebanyak RM50 juta untuk kedua-dua projek tersebut perlu dilaksanakan oleh pihak MINDEF.

Tuan Yang di-Pertua,

Skop projek ini tidak melibatkan pengambilan balik tanah dan landasan sedia ada adalah sesuai dengan keperluan operasi pesawat C130 Hercules, milik TUDM. Selain daripada itu, kemudahan lapangan terbang yang ada boleh digunakan dan projek peningkatan taraf hanya melibatkan keperluan TUDM.